

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (NEGERI)

TARIKH: 20 OKTOBER 2019

MUKA SURAT: 36

Tujuh rumah dilanda banjir kilat

BENTONG - Tujuh buah rumah dari Kampung Manchis dan Kampung Semerting dinaiki air akibat banjir kilat malam kelmarin.

Banjir kilat itu melibatkan sebuah rumah di Kampung Manchis membabitkan empat mangsa manakala di Kampung Semerting membabitkan 29 mangsa.

Pengarah Pertahanan Awam Pahang, Penolong Pesuruhjaya (PA) Zainal Yusoff berkata, sehingga jam 6:45 pagi semalam tiada pusat pemindahan sementara (PPS) dibuka.

"Rumah mangsa yang terlibat masih selamat untuk diduduki dan air telah surut.

"Namun ada seorang wanita berusia 47 tahun dikejarkan ke Hoshas (Hospital Sultan Haji Ahmad Shah) Temerloh kerana disyaki digigit haiwan berbisa," katanya dalam satu kenyataan semalam.